





KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



E-KATALOG beranotasi

*Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim*



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

e-Katalog Beranotasi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim

Perpustakaan Negara Malaysia
Kuala Lumpur
2023

Terbitan Pertama (Elektronik): 2023

Hak Cipta©Perpustakaan Negara Malaysia

Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Perpustakaan Negara Malaysia
232, Jalan Tun Razak
50572 Kuala Lumpur



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-931-372-7

Kandungan

Jawatankuasa Penerbitan	v
Seuntai Kata, Seulas Bicara	vii
Pengenalan	ix
Pendahuluan	1
Tajuk Koleksi:	
• Malaysia Tanpa Anwar	2
• Anwar Ibrahim: Evolution of a Muslim Democrat	3
• Anwar Ibrahim: Penampilan Demokrat Muslim	4
• Gelombang Kebangkitan Asia	5
• Jelaskan Wadah Perbaharui Tekad (Pesanan Buat Generasi Muda Islam)	6
• Ke Arah Pembentukan Mujtama' Madani yang Progresif: Cabaran dan Harapan	7
• Keuntungan dan Tanggungjawab Sosial	8
• Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi	9
• Menangani perubahan	10
• Renaissance Asia: Gelombong Reformasi di Ambang Baru	11
• The Asian Renaissance	12
• Towards a Contemporary Philosophy of Islamic Science	13
• Anwar Ibrahim: Dari Cherok to' Kun ke Kuala Kangsar	14
• Bahasa Melayu Baku: Asas Pembinaan Tamadun	15
• Buku Atur Cara Seminar Pemikiran Masa Kini Dirasmikan oleh Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan pada 26 Ogos 1991	16
• Buku Majlis Makan Malam: Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang di Bawah Naungan Y.A.B Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri di Hotel Equatorial, Pulau Pinang pada 27 Mac 1994 jam 8.00 malam	17
• 51 Dalil Anwar Jadi PM	18

Kandungan

• Datuk Seri Anwar Ibrahim	19
• International Islamic Capital Market Conference '97	20
• Dasawarsa Baharu	21
• Majlis Pelancaran Syarahan Raja Ali Haji Oleh Y.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Penyampaian Syarahan Raja Ali Haji oleh Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh	22
• Majlis Penganugerahan Gelar Tokoh Pembaca kepada Sdr. Anwar Ibrahim: 7 Ogos 1988 jam 4.00 Petang di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur	23
• Malam Kenangan Budi: Y.B. Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia	24
• Malam Pak Samad Sempena Pelancaran A. Samad Said: Journalism & Politics (Terbitan Singamal Publishing Bureau(M) Sdn Bhd) dan Empat Buah Karya Sasteranya (Terbitan Teks Publishing Sdn Bhd) oleh Y.B. En. Anwar Ibrahim Menteri Pendidikan Malaysia Pada 12hb September di Kristal Foyer, Hotel Hilton Petaling Jaya	25
• Masa Depan Strategik Kebangkitan Islam	26
• Anwar Ibrahim: dari Penjara ke Istana	27
• Idealisme Anwar	28
• Anwar Ibrahim: resolute in leadership	29
• My Dear Papa	30
• Pelancaran Buku Yayasan Penataran Ilmu oleh Dato' Sri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri, 7 November 1994, Nirwana 2, Hotel Hilton Kuala Lumpur	31
• Pemupukan Perpaduan Negara melalui Kebudayaan Kebangsaan: Strategi dan Pelaksanaan	32
• Warisan Ilmu: Perpustakaan Negara Malaysia = A Heritage of Knowledge: The National Library of Malaysia	33

*Jawatankuasa Penerbitan
e-Katalog Beranotasi
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim*

Penasihat	:	Puan Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Penyelaras	:	Encik Edy Irwan bin Zulkafli
Penyelaras	:	Puan Katrun Nada binti Haji Hashim
Ketua Projek	:	Puan Siti Suzani binti Mohamed Taib
		Encik Mohd Shah bin Abu Kassim
Penolong Ketua Projek	:	Puan Jasreena binti Jamil
Penyusun Bibliografi/Anotasi Bahan	:	Puan Jasreena binti Jamil
		Puan Noor Marfazila binti Mohd Fahmy
		Puan Izlin binti Ahmad
		Encik Kamaruzzaman bin Soaid
		Puan Nurfatih Athirah binti Rahmat
Editor	:	Puan Azura binti Ahmad Siam
		Puan Dayang Norainie binti Awang Junidee
Penolong Penyusun	:	Encik Mohd Anuar Ruddy bin Zakaria
		Puan Wan Yuzi binti Wan Razali
Jurugambar	:	Encik Mohd Sadri bin Md Saat
		Encik Muhammad Khairi bin Jaafar

Seuntai Kata, Seulas Bicara



Saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya, e-Katalog Beranotasi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ini dapat disempurnakan penerbitannya seperti yang telah dirancang.

E-katalog ini adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang penulisan. Sebanyak 32 buah bahan terpilih telah dimuatkan dalam e-katalog ini dan diuraikan secara ringkas melalui bibliografi dan anotasi merangkumi penulisan oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan penulisan mengenai Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Koleksi dalam e-katalog ini merupakan himpunan sejarah perjuangan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bertemakan perjuangan, pendidikan, ekonomi, kasih sayang dan kekeluargaan.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) amat mengalu-alukan para pembaca untuk merujuk koleksi Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang terdapat di Aras 7, 8 dan 10, Menara PNM. Banyak pengetahuan dan teladan yang boleh diambil oleh para membaca melalui koleksi berkenaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada PRMLN atas penghasilan e-katalog ini dan harapan saya agar koleksi mengenai Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ini akan kekal terpelihara sebagai warisan intelektual negara serta menjadi rujukan generasi masa kini dan masa akan datang.

*Bangsa Membaca
Bangsa Berjaya*

Salasiah binti Abdul Wahab
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia

Pengenalan

Penghasilan e-katalog ini merupakan satu penghargaan kepada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-10 dan telah mengangkat sumpah pada 24 November 2022. Koleksi yang terkandung dalam e-katalog ini tidak hanya berkisar tentang perjuangan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam politik dan ekonomi tetapi juga menyentuh sejarah hidup masa kecil dan perkembangan hidup beliau sehingga berjaya membangunkan negara dengan konsep MADANI.


Katalog ini diterbitkan dalam bentuk elektronik bagi memudahkan ia diakses oleh generasi masa kini di mana maklumat boleh diperoleh di hujung jari. Kandungannya yang ringkas dan tidak terlalu padat dirasakan amat bersesuaian dan memudahkan para pembaca untuk memahami deskripsi setiap koleksi.

Penerbitan e-katalog ini juga diharapkan menjadi medium penghubung antara para pembaca dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam menyemai dan seterusnya memartabatkan budaya membaca. PNM juga akan sentiasa memelihara dan mempelbagaikan bahan koleksi agar menjadi wasilah bagi membangun peradaban bangsa.


**Jawatankuasa Penerbitan
e-Katalog Beranotasi
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim**

Pendahuluan

E-katalog ini adalah himpunan penulisan Perdana Menteri Malaysia ke 10 iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan penulisan tentang beliau yang dihasilkan oleh pengarang lain. Koleksi ini merupakan koleksi yang terdiri daripada bahan monograf dan koleksi peribadi tokoh-tokoh terkenal seperti YBhg. Tan Sri Dato' Haji Omar Mohd Hashim, Sasterawan Negara Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan, Abdul Karim Abdullah (Bung Karim), Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid dan Abdul Kadir Ahmad. Himpunan khazanah warisan negara ini bertujuan untuk mempromosikan penulisan berkenaan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sekali gus menarik pengunjung untuk datang merujuk di Perpustakaan Negara Malaysia.



Malaysia Tanpa Anwar




Ahmad Lutfi Othman. *Malaysia Tanpa Anwar*. Penerbitan Pemuda, 1998.

322.44092 AHM M

Buku yang penuh tanda tanya ini merupakan analisis pemikiran daripada Ahmad Lutfi. Kekeliruan anda akan terungkai sebaik sahaja selesai membaca buku ini. Kandungan buku ini juga memuatkan penceritaan tentang Mahathir Mohamad, Haron Din, Marina Yusof, Ruslan Kassim, Ahmad Ismail dan Wan Azizah. Walaupun agak kontroversi, buku ini akan menarik perhatian anda semua dalam merungkai perjalanan hidup yang dilalui oleh Anwar Ibrahim.

Anwar Ibrahim: Evolution of a Muslim Democrat





Allers, Charles. *Anwar Ibrahim: Evolution of a Muslim Democrat*. Monsoonbooks, 2014.

959.5054092 ANW.A M

Buku tulisan Charles Allers manakala prakata oleh John L. Esposito ini mengandungi maklumat-maklumat tentang perjalanan karier politik Dato' Seri Anwar Ibrahim dari tahun 1947 hingga tahun 2013. Terdapat juga beberapa maklumat bergambar yang dibawa oleh penulis ke dalam buku ini bagi menarik perhatian pembaca. Di samping itu, naskah ini juga memberi sedikit latar belakang mengenai Malaysia dan juga perkembangan agama Islam di Malaysia.

Anwar Ibrahim: Penampilan Demokrat Muslim



Allers, Charles. *Anwar Ibrahim: Penampilan Demokrat Muslim*. IDE Research Centre Sdn. Bhd., 2017.

923.2595 ANW.A M

Naskhah ini menceritakan mengenai sisi Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai seorang ahli politik dan pemimpin Malaysia yang bertenaga serta berkarisma. Beliau merupakan seorang pemimpin yang lantang menyuarakan keserasian Islam dengan prinsip-prinsip demokrasi sebelum kebangkitan Arab Spring, di mana topik demokrasi dalam negara Islam mula dibicarakan di pentas antarabangsa. Selain itu, buku ini menceritakan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai calon Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu disebabkan kecintaan beliau kepada perkembangan dan evolusi perjuangan kepada negara. Buku ini juga menyebut tentang perihal Dato' Seri Anwar Ibrahim yang aktif dalam penglibatan politik Malaysia sejajar dengan kedinamikan beliau dalam menyuarakan kesinambungan kepelbagaiannya kaum dan agama dalam kalangan rakyat Malaysia.

Gelombang Kebangkitan Asia





Anwar Ibrahim. *Gelombang Kebangkitan Asia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

AKA 3413 MAJ KP

Naskhah ini membincangkan tentang apa yang dikatakan sebagai gelombang kebangkitan atau Nahdah Asia yang mendapat rangsangan daripada ketangkasan ekonomi yang mengimbangi dan mula mencabar dominasi ekonomi barat. Selain itu, buku ini mengetengahkan sebahagian besar daripada pemikiran Timur dan Barat yang mengemukakan konsep dialog peradaban, kebergantungan kepada teknologi Barat, kelemahan dari sudut penyelidikan dan belum cukup mampu untuk membangunkan sumber daya manusia. Walau bagaimanapun, buku ini menyentuh juga mengenai kekuatan ekonomi Asia yang sedang bergerak pantas dan mencetuskan gerakan kebudayaan yang bernilai dalam pembinaan semula tamadun umat manusia.

Jelaskan Wadah Perbaharui Tekad (Pesanan Buat Generasi Muda Islam)




Anwar Ibrahim. *Jelaskan Wadah Perbaharui Tekad (Pesanan Buat Generasi Muda Islam)*. Penerbitan Ilham Baru, 2020.

297.74 ANW M

Buku yang menfokuskan ucapan dasar pertama Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang dikirimkan oleh beliau sendiri dari Penjara Kamunting dan dibacakan oleh Almarhum Ustaz Fadzil Noor, Pemangku Presiden ABIM pada tahun 1975. Antara kandungan menarik yang terdapat dalam naskhah ini seperti coretan daripada Dato' Seri Anwar Ibrahim iaitu ungkapan "Jasad saya boleh dipenjara, tetapi jiwa saya tetap merdeka". Buku yang menarik untuk dibaca terutamanya bagi golongan belia Islam masa kini di mana ia mengetengahkan semula idea yang masih relevan untuk diguna pakai dalam perkembangan dakwah dan gerakan Islam di Malaysia.

Anwar Ibrahim, Ke Arah Pembentukan Mujtama' Madani yang Progresif: Cabaran dan Harapan




Anwar Ibrahim. *Ke Arah Pembentukan Mujtama' Madani yang Progresif. Cabaran dan Harapan.* Yayasan Islam Terengganu, 1997.

301.0882971 ANW M

Naskhah ini merupakan teks syarahan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang disampaikan ketika Sesi Siri Syarahan Darul Iman (SDI) pada 16 Mei 1996. Syarahan ini menyentuh mengenai pengertian "Masyarakat Madani" dan isu serta cabaran yang perlu dihadapi untuk merealisasikannya.

Keuntungan dan Tanggungjawab Sosial




Anwar Ibrahim. *Keuntungan dan Tanggungjawab Sosial*. Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa, 1993.

658.408 ANW M

Naskhah ini merupakan teks syarahan yang disampaikan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan Malaysia bersempena dengan seminar "Ke arah negara maju: ketangkasan ekonomi dan tanggungjawab sosial" anjuran bersama Public Bank Berhad dan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, di Kuala Lumpur pada 20-21 Mei 1993.

Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi




Anwar Ibrahim. *Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. IDE Research Centre Sdn. Bhd., 2023.

320.9595 ANW M

Naskhah ini merungkai kerangka MADANI yang merupakan kemuncak kepada pengalaman Dato' Seri Anwar Ibrahim selama empat (4) dekad dalam perkhidmatan awam dan belasan tahun yang dihabiskan bagi memikirkan tentang Malaysia dan masa hadapan Malaysia. Dasar Rukun MADANI turut dirungkai iaitu keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan. Setiap huruf besar dalam rukun tersebut membawa maksud M.A.D.A.N.I.

Menangani perubahan




Anwar Ibrahim. *Menangani perubahan*. Berita Pub., 1989.

NH 0320 ANW KP

Naskhah ini menceritakan perihal Dato' Seri Anwar Ibrahim dan keilmuan beliau dalam pelbagai bidang seperti falsafah, pendidikan, kebudayaan, bahasa, ekonomi dan politik. Selain itu, coretan di dalam buku ini berkisar mengenai rencana pengucapan beliau iaitu 'Menangani Perubahan: Perencanaan untuk Ummah', 'Menangani Perubahan Kepemimpinan Politik', 'Cabaran Ekonomi Selepas 1990' dan lain-lain lagi. Buku ini juga menceritakan persoalan mengenai identiti Melayu dan rencana berkenaan dengan membanteras rasuah serta persoalan tentang kezaliman sistem, kemunafikan tokoh, kecuaian dan kepalsuan yang mencengkam dan mengancam kesejahteraan rakyat dan negara.

Renaissance Asia: Gelombang Reformasi di Ambang Baru




Anwar Ibrahim. *Renaissance Asia: Gelombang Reformasi di Ambang Baru*. Penerbit Mizan, 1998.

950.4 ANW M

Buku terjemahan daripada buku *The Asian Renaissance* ini merangkumi falsafah dan gagasan pemikiran Dato' Seri Anwar Ibrahim yang pada ketika itu dihujani dengan pelbagai ujian politik. Buku dengan kata pengantar oleh Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail ini juga mengandungi skrip temu bual wawancara bersama majalah *Time* di Hong Kong pada tahun 1997 mengenai *International Monetary Fund (IMF)*, Bank Dunia dan George Soros.

The Asian Renaissance




Anwar Ibrahim. *The Asian Renaissance*. Times Books International, 1996.

950.4 ANW M

Buku ini membicarakan tentang visi dan pemikiran Dato' Seri Anwar Ibrahim yang merupakan Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan mengenai gagasan kemunculan semula Asia sebagai kekuatan baru berasaskan nilai tradisi murni, keinsanan, kerohanian dan falsafah demi menyumbang kepada ketamadunan sejagat.

Towards a Contemporary Philosophy of Islamic Science




Anwar Ibrahim. *Towards a Contemporary Philosophy of Islamic Science*. Sekretariat Falsafah dan Sains Islam, 1996.

181.07 ANW M

Artikel ini ditulis oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan sebagai sebahagian daripada ucapan perasmian Seminar Antarabangsa Falsafah dan Sains Islam di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 30 Mei 1989. Artikel ini kemudiannya diterbitkan dalam American Journal of Islamic Social Sciences.

Anwar Ibrahim: Dari Cherok To' Kun ke Kuala Kangsar




Amin Ahmad. *Anwar Ibrahim: Dari Cherok To' Kun ke Kuala Kangsar*. Ilham Books, 2021.

923.2595 ANW.A

Anwar Ibrahim: Dari Cherok To' Kun ke Kuala Kangsar membawakan sebahagian daripada kisah hidup beliau yang jarang diperkatakan seawal usia remajanya sebelum melangkah ke universiti. Naskhah ini membawa naratif awal kisah kelahiran beliau sehingga ke alam persekolahannya di Malay College Kuala Kangsar (MCKK) pada tahun 1966. Buku ini turut melakar latar belakang sejarah kawasan dan zaman untuk memaparkan satu gambaran tentang faktor persekitaran dan peristiwa semasa yang akhirnya memberi impak besar kepada proses kematangan masyarakat dan individu dalam mencorak perkembangan kemajuan sesebuah negara. Ini dapat dilihat dari aspek penglibatan ibu dan bapa Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam gerakan nasionalisme kepartian UMNO yang tentunya lahir daripada sentimen nasionalisme yang muncul lebih awal di Pulau Pinang dan Seberang Perai khususnya.

Bahasa Melayu Baku: Asas Pembinaan Tamadun




Bahasa Melayu Baku: Asas Pembinaan Tamadun. Persatuan Linguistik Malaysia, 1989.

499.238 BAH M

Buku yang diterbitkan pada tahun 1989 dengan prakata oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Pendidikan Malaysia merangkap Penaung Persatuan Linguistik Malaysia pada ketika itu. Buku ini menghimpunkan tulisan pakar-pakar bahasa dan tokoh-tokoh pendidikan di Malaysia seperti YB Senator Dato' Sri Prof. Dr. Awang Sariyan dan Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Haji Karim mengenai pemerkasaan bahasa baku Melayu dalam institusi pendidikan mahupun dalam kehidupan seharian. Buku terbitan Persatuan Linguistik Malaysia ini mengandungi topik seperti "Bahasa Melayu Baku dalam Konteks Pembangunan Insan", "Bahasa Melayu Baku ke Arah Pembinaan Bahasa Kebangsaan yang Sempurna" dan lain-lain yang menarik untuk dibaca.

Buku Atur Cara Seminar Pemikiran Masa Kini




Buku Atur Cara Seminar Pemikiran Masa Kini Dirasmikan oleh Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan pada 26 Ogos 1991. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

AKA 3687 SEM KP

Naskhah ini merupakan buku atur cara Seminar Pemikiran Masa Kini anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Bahagian Sejarah dan Falsafah Sains, Fakulti Sains, Universiti Malaya dan Sekretariat Falsafah dan Sains Islam, Universiti Sains Malaysia pada Ogos 1991 dan dirasmikan oleh Dato' Sri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan Malaysia. Seminar ini adalah berkaitan dengan perkembangan ilmu. Sebanyak empat (4) kertas kerja melibatkan lebih sepuluh (10) orang pembentang yang terlibat menjayakan seminar ini.

Buku Majlis Makan Malam: Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang





Buku Majlis Makan Malam: Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang di Bawah Naungan Y.A.B Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri di Hotel Equatorial, Pulau Pinang pada 27 Mac 1994 jam 8.00 malam. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, 1994.

027.409595113 MAJ M

Naskhah ini merupakan buku atur cara Majlis Makan Malam Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang pada Mac 1994 dan dirasmikan oleh penaung Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Beliau telah diberi penghormatan untuk memberikan kata-kata aluan dan seterusnya merasmikan acara. Buku atur cara ini memaparkan maklumat dan gambar berkaitan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang.

51 Dalil Anwar Jadi PM




Elias Hj Idris. *51 Dalil Anwar Jadi PM*. Sungai Beruas Mart, 2008.

320.9595 ELI M

Naskhah ini menceritakan kisah hidup Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mempunyai wawasan tinggi disulami dengan kisah pahit yang dihadapi beliau. Ia turut menyentuh tentang kepimpinan beliau dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), juga pendirian beliau mengenai isu antarabangsa. Buku ini menyatakan keterangan sewajarnya mengapa Dato' Seri Anwar Ibrahim layak menjadi Perdana Menteri. Antara dalil utama yang diceritakan ialah beliau merupakan tokoh gerakan Islam yang terulung. Selain itu, beliau merupakan individu yang teguh pendirian dan berkarsma tinggi. Penceritaan kisah beliau yang menolak rasuah sehingga pindaan Undang-undang Pencegahan Rasuah 1997 dilakukan turut diceritakan. Buku ini juga mengandungi foto-foto hitam putih dan berwarna termasuk ilustrasi bagi menerangkan dengan lebih jelas penceritaan yang terkandung di dalam buku ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim





Fauziah Abdul Ralip. *Datuk Seri Anwar Ibrahim*. EI Publication Sdn. Bhd., 2019.

320.09595 FAU M

Naskhah ini memberikan informasi dan pendedahan tentang keistimewaan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai tokoh negara. Buku ini memaparkan perjalanan hidup kehidupan tokoh yang digarap sehingga menjadi bahan yang menarik dengan bahasa yang mudah difahami bersekali dengan foto yang bermakna. Selain itu, buku ini menceritakan perjalanan seorang pejuang reformasi dari seawal pendidikan, zaman belia, kerjaya dalam kerajaan sekaligus menceritakan penglibatan Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam bidang politik. Buku ini juga mengandungi foto hitam putih dan berwarna termasuk ilustrasi bagi menerangkan dengan lebih jelas penceritaan yang terkandung di dalam buku ini.

International Islamic Capital Market Conference '97, 15-16 July, 1997



International Islamic Capital Market Conference '97, 15-16 July, 1997.

332.63209595 INT M f

Persidangan bertemakan 'Developing Islamic Capital Market Instruments' ini telah dilaksanakan pada 15 - 16 Julai 1997 bertempat di Mahkota Ballroom, Hotel Istana, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, selaku Menteri Kewangan pada waktu tersebut. Topik yang dibentangkan oleh Dato' Seri dalam ucapan beliau adalah Towards a Practical Islamic Capital Market. Semua kertas persidangan ini telah dibukukan menjadi satu naskhah ilmu. Seramai 17 orang profesional dalam bidang ekonomi dan perbankan Islam terlibat dalam persidangan ini.

Dasawarsa Baharu




Mahathir Mohamad, dll. *Dasawarsa Baharu*. MyDestreza, 2020.

320.9595 MAH M

Buku Dasawarsa Baharu merupakan kumpulan tulisan empat (4) orang pemimpin Pakatan Harapan dan seorang penulis muda. Bermula dengan prakata oleh Prof. Dato' Dr. Mohammad Agus Yusoff, diikuti YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, buku ini mengandungi profil dan rencana berkaitan Farhan Zulkefly, YB Fahmi Fadzil, YB Hannah Yeoh, YB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Tun Mahathir Mohamad. Buku ini mengandungi 87 muka surat dan disertakan ilustrasi bewarna. Dalam setiap segmen diakhiri dengan trivia berkaitan tokoh tersebut.

Majlis Pelancaran Syarahan Raja Ali Haji Oleh Y.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Penyampaian Syarahan Raja Ali Haji oleh Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh




Majlis Pelancaran Syarahan Raja Ali Haji Oleh Y.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Penyampaian Syarahan Raja Ali Haji oleh Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh. Persatuan Linguistik Malaysia, 1991.

499.2307 AWA M

Naskhah ilmu ini merupakan siri Syarahan Raja Ali Haji. Pada tahun 1991, tema syarahan adalah berkaitan Bahasa Melayu dalam Pendidikan dan Prospeknya Menjelang Abad ke-21 oleh Tan Sri Dato' Dr. Awang Had Salleh. Dato' Seri Anwar Ibrahim, selaku Menteri Pendidikan telah dijemput untuk merasmikan Majlis Pelancaran Syarahan Raja Ali Haji anjuran Persatuan Linguistik Malaysia. Topik yang digarap dalam 43 muka surat syarahan ini memfokus kepada isu perkembangan dan kepentingan Bahasa Melayu menjelang abad ke-21.

Majlis Penganugerahan Gelar Tokoh Pembaca kepada Sdr. Anwar Ibrahim



...aku senang membahasa halvera solo, si seorang pembahasa yang paling banyak dikenal, kerana pun dia bukan mempunyai bidara penerbitan, tetapi sebagai seorang penulis atau golongan yang berlatik raga, akhirnya ia boleh berwirausaha kecakapan dalam sesebuah mata, dan pencapaian ini menciptakan profesional bagi dirinya. Selain itu, kelebihan dirinya dan tidak seorang pun yang dapat mengalahkannya dalam pertandingan dan perbincangan ini, memang tidak dimiliki oleh seorang seorang lain. Maka ia adalah seorang yang sebenarnya dapat dilepaskan dari dunia politik, pelajar dan kejuruteraan jauh-jauh lagi. Oleh yang demikian, pihakku dan kejurnas punca langsung mengatakan bahawa buku ia dengan makalah-makalah berasa klasik dan sangatlah berkesan dengan sekumpulan buku-buku yang terdapat di kalangan politik negara ini. Tidaklah penting sekali ia bukan ahli politik negara ini tetapi buku dan kesaksianya adalah satu seni yang dimiliki oleh seorang ahli politik negara. Matanya kelebihan dan harganya pada mendapat pengiktirafan. Pekembaran, walaupun hanya untuk seorang Menteri, masihlah penting sekali. Sebaliknya, dia mewujudkan diri sebagai seorang penulis yang ketinggalan dalam pengaruh buku-buku yang terdapat di kalangan politik negara ini. Selain itu, dia mempunyai kelebihan sebagai pemahaman yang mendalam dan teliti tentang dunia politik negara ini. Ia juga dilakukannya makalah-makalahnya yang selanjutnya dibuat sebagai anggota penyayangan dan pengaruh watak karharti dalam memantulkan permasalahan dan permasalahan manusia dengan sempurna yang lumayan lagi nyata.

15

Majlis Penganugerahan Gelar Tokoh Pembaca kepada Sdr. Anwar Ibrahim: 7 Ogos 1988 jam 4.00 Petang di Dewan Tun Hussein Onn B, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan, 1988.

OH 0033 MKP

Buku ini berkisarkan tentang kandungan Majlis Penganugerahan Gelar Tokoh Pembaca Kepada Sdr. Anwar Ibrahim pada 7 Ogos 1988 di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Selain itu, buku ini juga memuatkan kandungan mengenai nukilan pemikiran Dato' Seri Anwar Ibrahim tentang buku, pembacaan dan ilmu.

Malam Kenangan Budi: Y.B. Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia




Malam Kenangan Budi: Y.B. Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan, 1991.

M 923.2595 MAL

Naskhah ini adalah buku program Malam Kenangan Budi Dato' Sri Anwar Ibrahim pada 14 Mac 1991. Buku yang dicetak oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini juga memuatkan secara ringkas maklumat peribadi Dato' Sri Anwar Ibrahim seperti latar belakang pendidikan, keluarga dan juga beberapa dasar yang diasaskan oleh beliau seperti Falsafah Pendidikan Negara dan penggalakan budaya membaca.

Malam Pak Samad Sempena Pelancaran A. Samad Said: Journalism & Politics (Terbitan Singamal Publishing Bureau(M) Sdn Bhd) dan Empat Buah Karya Sasteranya (Terbitan Teks Publishing Sdn Bhd)




Malam Pak Samad Sempena Pelancaran A. Samad Said: Journalism & Politics (Terbitan Singamal Publishing Bureau (M) Sdn Bhd) dan Empat Buah Karya Sasteranya (Terbitan Teks Publishing Sdn Bhd) oleh Y.B. En. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia pada 12hb September di Kristal Foyer Petaling Jaya Hilton. Singamal Publishing, 1987.

AKA 3500 MAL KP

Diterbitkan sempena pelancaran A. Samad Ismail: Journalism & Politics dan Empat Buah Karya Sasteranya oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Pendidikan Malaysia pada tahun 1987. Buku ini memaparkan empat (4) judul karya sastera tulisan A. Samad Ismail dan beberapa orang penulis lain iaitu Tembok Tidak Tinggi; Patah Sayap Terbang Jua; Kail Panjang Sejengkal dan Menimba Air yang Jernih.

Masa Depan Strategik Kebangkitan Islam



BAB 5
MASA HADAPAN YANG STRATEGIK:
BERADAPTA DENGAN DUNIA YANG
PANTAS BERUBAH
Ahmad Naim Jasni

Pendahuluan

Masa hadapan Islam begantung kepada kualiti Muslim. Dengan jumlah penduduk dunia yang beragama Islam terlalu akan memberi sebab, bermakna sebab perubahan yang besar, bukan ia memberi sebab kepada dunia dan manusia kehadirannya. Hari ini kita perlukan seorang kepustakaan yang ramai terapis penting bagi mewujudkan masa hadapan Islam yang amanah. Masihi ada beberapa pokok masalah hadapan bagaimana yang kita hadapi saat ini.

Masa Hadapan Strategik: Pilihan yang Ramai Tetapi Penting

Uvod Fazlisy
Moldi masa hadapan ini memerlukan kelangsungan masa lalu. Aku perlu mengalih yang menyambung, masa hadapan ini seharusnya memperbaiki praktik-praktik kecad. Impak yang akan berlaku juga

111

Masa Depan Strategik Kebangkitan Islam. Angkatan Belia Islam Malaysia, 2017.

297.709595 MAS M

Buku ini merupakan kompilasi artikel berkenaan kebangkitan Islam dari aspek minda, intelektual, sosio-ekonomi, politik, sains, teknologi, tamadun dan lain-lain. Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama adalah artikel dalam Bahasa Melayu dan bahagian kedua adalah artikel dalam Bahasa Inggeris. Artikel terdiri daripada kertas kerja yang dibentangkan semasa World Conference on Islamic Resurgence 2013 dan Seminar Kebangkitan Islam Jilid II, 2016.

Anwar Ibrahim: dari Penjara ke Istana




Mohammad Qayyum A. Badaruddin. *Anwar Ibrahim: dari Penjara ke Istana*. Casamas Resources Sdn. Bhd., 2018.

923.2595 MQA M

Naskhah ini merungkai sejarah yang tercipta apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim yang dinafikan hak kebebasan sejak tahun 1998 lagi iaitu selama 20 tahun lamanya telah dikembalikan. Buku ini memuatkan kandungan bermotivasi yang pastinya menaikkan semangat mereka yang ingin berjaya di dalam perjuangan. Kemenangan Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam PRU 14 telah memberi harapan pengampunan mutlak kepada beliau. Inilah yang dinantikan selama ini oleh penyokong beliau.

Idealisme Anwar




Mohd Nazir Ibrahim. *Idealisme Anwar*. Penerbit Sophia, 2014.

320.092 MNI M

Pertarungan di gelanggang politik tidak pernah lesu sejak bermulanya tamadun Melayu yang sangat erat dengan kuasa alam gugusan Nusantara. Buku ini mengandungi penceritaan tentang Dato' Seri Anwar Ibrahim yang namanya adalah sinonim setiap kali berlaku permasalahan politik sama ada dalam kalangan kawan muah pun lawan. Musuh menganggap beliau sebagai makhluk perosak manakala kawan pula menjadikan beliau sebagai sumber inspirasi dan kekuatan motivasi. Buku ini merungkai idea yang dibawa beliau sepanjang penglibatan beliau dalam dunia politik.

Anwar Ibrahim: resolute in leadership




Morais, J.V. Anwar Ibrahim: resolute in leadership. Arenabuku, 1984.

AKA 120 ANW.M KP

Naskhah ini menceritakan tentang ketegasan kepimpinan Dato' Seri Anwar Ibrahim yang diperakui dunia terutamanya daripada pemimpin-pemimpin Islam. Buku ini juga menyebut tentang pandangan rakan seperjuangan seperti Dato' Kamaruddin Jaafar, Fadlullah Wilmot dan Dato' Nasaruddin Abdul Jalil. Selain itu, perjalanan kerjaya politik sebagai ahli Parlimen, Timbalan Perdana Menteri dan bagaimana beliau sangat menitikberatkan keadilan dalam kepimpinan organisasi turut diceritakan di dalam buku ini. Beliau juga menyebut pembabitan anak muda dalam pengurusan kerajaan amat penting bagi membaik pulih ekonomi Melayu dan menanam nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan.

My Dear Papa




Nurul Hana Anwar. *My Dear Papa*. Gerakbudaya Enterprise, 2015.

320.9595 NUR M

Buku ini merupakan hasil tulisan dan isi hati anak bongsu kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Buku ini menyaksikan coretan pengalaman yang dilalui beliau sejak tahun 1998 sehingga tahun 2015. Buku berilustrasi penuh ini menarik perhatian pembaca untuk mendalami kandungan yang ringkas tetapi padat. Seorang anak bongsu yang kehilangan ayahnya apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim dimasukkan ke penjara. Begitu tragis sekali perasaan yang dialami oleh beliau yang kemudiannya dimuatkan di dalam buku ini.

Pelancaran Buku Yayasan Penataran Ilmu oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri




*Pelancaran Buku Yayasan Penataran Ilmu oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri,
7 November 1994, Nirwana 2, Hotel Hilton Kuala Lumpur. Yayasan Penataran Ilmu, 1995.*

070.509595 MAJ M

Buku ini merupakan buku atur cara sepanjang Majlis Pelancaran Buku Yayasan Penataran Ilmu berlangsung. Pelancaran buku ini dilaksanakan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim yang merupakan Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu. Buku atur cara ini juga mengandungi senarai buku yang dilancarkan pada majlis pelancaran buku tersebut. Terdapat juga petikan syair dan petikan kandungan lain yang dimasukkan dalam buku atur cara ini.

"Pemupukan Perpaduan Negara melalui Kebudayaan Kebangsaan: Strategi dan Pelaksanaan"



"Pemupukan Perpaduan Negara melalui Kebudayaan Kebangsaan: Strategi dan Pelaksanaan.", Seminar Kebudayaan Kebangsaan dan Perpaduan Negara under Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor - abk. November, 1983.

AKA 3933 ANW f KP

Artikel ini merupakan kertas kerja yang dihasilkan oleh Anwar Ibrahim dan disampaikan dalam Seminar Kebudayaan Kebangsaan dan Perpaduan Negara anjuran Institut Bahasa, Kebudayaan dan Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor pada 3 November 1983. Artikel ini berjumlah 11 muka surat termasuk muka hadapan.


Warisan Ilmu: Perpustakaan Negara Malaysia = A Heritage of Knowledge: The National Library of Malaysia



Warisan Ilmu: Perpustakaan Negara Malaysia = A Heritage of Knowledge: The National Library of Malaysia.
Perpustakaan Negara Malaysia, 1994.

027.5595 PER f M

Buku ini sangat menarik untuk diterokai bagi yang berminat mengetahui tentang sejarah Perpustakaan Negara Malaysia. Buku ini diterbitkan sempena Perasmian Bangunan Perpustakaan Negara Malaysia oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 16 Disember 1994. Kandungan buku ini merangkumi Falsafah Korporat, Peristiwa Penting, Reka Bentuk Bangunan, Perkhidmatan, Koleksi Nadir, Koleksi Manuskrip Melayu, Teknologi Maklumat, Lebuh Raya Maklumat, Setem Kenang-Kenangan, Jawatankuasa Tabung Bangunan PNM, Penderma Tabung Bangunan PNM, Lagu PNM, Jawatankuasa Penerbitan Buku Peringatan dan Sekalung Budi.



*Yang Amat Berhormat
Dato' Sri Anwar bin Ibrahim*



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

e ISBN 978-967-931-372-7

A standard linear barcode representing the ISBN number.

9 789679 313727